

Caj RM1 hingga RM2 masuk Mini Zoo Taman Teruntum

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) mengenakan kadar caj RM1 hingga RM2 kepada orang ramai yang mengunjungi Mini Zoo Taman Teruntum bermula 1 Julai ini.

Kadar caj tersebut akan dikenakan kepada pengunjung dewasa RM2, kanak-kanak pula RM1, manakala bagi OKU dan bayi pula adalah percuma.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, caj tersebut dikenakan bagi membolehkan kemudahan yang sedia ada di taman terbabit ditambah baik.

"Kita dalam proses menambah baik kemudahan di taman terbabit dalam usaha memastikan pengunjung selesa



IZAD

setiap kali mengunjungi taman terbabit.

"Kita turut merancang menambah tempat duduk, membina wakaf, tandas awam dan gerai," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya juga akan menambah bilangan haiwan seperti walabi dan beberapa spesies burung baharu bagi menarik lebih ramai pengunjung.

Selain itu, Izad berkata, haiwan sedia ada di taman ini akan dikekalkan, namun pihaknya berusaha meningkatkan kualiti penjagaan haiwan tersebut.

Dalam pada itu, Izad memberitahu, MPK membelanjakan hampir RM20,000 sebulan bagi tujuan makanan haiwan di taman tersebut.

Sinar Harian
12/06/2018